

Tidak tegas, lewat bertindak punca kes lambat selesai

KUALA LUMPUR - Sikap pihak berkuasa yang mengambil sikap sambil lewa dan tidak bertegas dalam menangani isu pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor menjadi punca kes itu tidak dapat diselesaikan dengan segera hingga menjejaskan puluhan ribu penduduk termasuk pelajar.

Timbalan Dekan Pascasiswazah Fakulti Sains

dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Mohd. Talib Latif (**gambar**) berkata, pihak berkuasa perlu mengambil pengajaran daripada tragedi Sungai Kim Kim yang berlarutan lebih se-

minggu hingga menyebab-



kan penduduk bertindak keluar dari daerah tersebut.

Katanya, tindakan segera perlu dilakukan kepada udara beracun yang terhasil daripada sisa kimia tersebut terlalu

bahaya hingga boleh membawa maut.

"Sepatutnya tindakan segera seperti meneutralkan sepenuhnya udara di Pasir Gudang dilakukan secara maksimum, kita tidak mahu pencemaran seperti ini terus berlaku di lain waktu.

"Kebiasaannya udara di kawasan tersebut tercemar dari beberapa bahan kimia atau gas toksik yang dilepaskan oleh kenderaan dan industri (kilang)," ka-

tanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambahnya, gas toksik yang dilepaskan itu dipercayai daripada beberapa bahan organik yang mudah meruap seperti cecair benzena yang tidak larut dalam air, namun larut di dalam pelarut organik.

"Pencemaran seperti ini biasanya dilepaskan dari cerobong atau kebo-

coran industri yang boleh merebak melalui udara sehingga boleh terbawa ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang ramai," ujarnya.

Setakat ini, dua pengarah kilang tayar telah didakwa atas 15 pertuduhan melakukan pencemaran ke atas Sungai Kim Kim dan kes itu masih berjalan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.